

34 kakitangan perpustakaan sertai lawatan FPL UMS

UB 10.9.2017 A5

KOTAKINABALU: Seramai 34 kakitangan Perpustakaan Kampus Induk Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengadakan lawatan kerja baru-baru ini.

Ketua rombongan yang juga Pustakawan Kanan Mohd. Tajudin Atin berkata, lawatan itu antara lain bertujuan memberi pendedahan kepada staf perpustakaan melihat sendiri ladang-ladang yang diusahakan oleh Fakulti Pertanian Lestari (FPL) seperti ladang ternakan kambing, rusa, payau, burung unta dan ladang orkid.

“Lawatan itu juga bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim dan kerjasama yang sedia terjalin dengan staf FPL,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam satu

kenyataan yang dikeluarkan pada Jumaat.

Ujar Tajudin, ahli rombongan turut diajar cara-cara membuat telur masin.

Sementara itu, rombongan berkenaan telah disambut mesra oleh Dekan FPL, Prof. Madya Dr. Saafie Salleh yang diiringi Penolong Pendaftar Kanan FPL, Roslan Gimba.

Sesi taklimat kemudiannya diadakan dengan dikendalikan Penolong Pegawai Veterinar, Mohd. Faizal Awang Yahya bersama Mohd. Azahari Majin dari Bahagian Pentadbiran FPL.

Selain lawatan sekitar FPL, rombongan juga berkesempatan mengunjungi tempat-tempat menarik di sekitar Sandakan.



ROMBONGAN kakitangan Perpustakaan UMS mengadakan lawatan kerja ke Fakulti Pertanian Lestari (FPL) Kampung Sandakan.